



PERSEKUTUAN PERSATUAN MELANAU SARAWAK

KAJIAN IMPAK PESTA KAUL MUKAH 2024

Disediakan oleh:

SUFFINA LONG
PROF. MADYA DR. TANG HOWE ENG
YAHUTAZI CHIK
MOHAMAD MUSA BOHARI
NOOR EMMA SHAMSUDDIN



Cawangan Sarawak
Kampus Mukah

UNIT PENYELIDIKAN
PUSAT PENYELIDIKAN MELANAU
UiTM CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS MUKAH

Kandungan Laporan

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL MUKAH 2024	2
KAJIAN IMPAK PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2024	4
1.0 DEMOGRAFIK PENGUNJUNG	4
2.0 AKTIVITI PALING DIGEMARI PENGUNJUNG SEPANJANG PESTA KAUL MUKAH 2024....	11
3.0 IMPAK KESELURUHAN PESTA KAUL MUKAH 2024	13
Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Ekonomi, Sosiobudaya, Kemudahan dan Kebersihan	13
Impak Pesta Kaul Terhadap Ekonomi	13
Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Sosiobudaya	14
Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Kemudahan.....	14
Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Kebersihan	15
Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Jantina	15
Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Kaum	16
Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan	19
Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Pekerjaan	21
Penilaian Kemudahan (e-hailing, parkir, tandas awam, tempat rehat sementara, tempat solat) Kaul Mukah 2024 Merentasi Kaum	22
Penilaian Kemudahan (e-hailing, parkir, tandas awam, tempat rehat sementara, tempat solat) Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan	24
4.0 KRITIKAN DAN CADANGAN PESTA KAUL MUKAH 2024	25
Kritikan Utama Mengenai Pesta Kaul 2024	25
Aspek-Aspek Penambahbaikan Penganjuran Pesta Kaul Akan Datang Berdasarkan Maklum Balas Responden	27
Cadangan Responden untuk Meningkatkan Kualiti Penganjuran Pesta Kaul	29
KAJIAN IMPAK PENIAGA PESTA KAUL MUKAH 2024	32
1.0 PROFIL PENJAJA PESTA KAUL MUKAH 2024	32
2.0 UKURAN UNTUNG RUGI PENJAJA PESTA KAUL MUKAH 2024.....	35
Faktor-Faktor Utama Kerugian Sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024	36
3.0 KRITIKAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN.....	37
Cadangan untuk Meningkatkan Pengalaman Peniaga dan Penjaja pada Pesta Kaul yang Akan Datang.....	37
Kritikan Terhadap Pengurusan Gerai Semasa Pesta Kaul 2024	38
Aspek Penambahbaikan atau Pengurangan dalam Penganjuran Gerai Pesta Kaul.....	39
Kesimpulan Laporan Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2024.....	40

LAPORAN KAJIAN IMPAK PESTA KAUL MUKAH 2024

Laporan Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2024 ini bertujuan untuk menilai kesan Pesta Kaul Mukah 2024 terhadap dua kumpulan utama, iaitu pengunjung dan penjaja. Kajian ini dilaksanakan sepanjang tiga hari acara utama, iaitu dari 19 hingga 21 Julai 2024, dengan anggaran kehadiran pengunjung melebihi 22,500 orang. Laporan ini merangkumi dua bahagian utama, iaitu Kajian Impak Pengunjung dan Kajian Terhadap Penjaja sempena Pesta Kaul Mukah.

Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai kesan sosioekonomi dan sosio-budaya Pesta Kaul Mukah 2024 terhadap pengunjung dan penjaja yang terlibat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengukur keuntungan atau kerugian yang dialami oleh penjaja serta mengumpulkan cadangan dan kritikan daripada kedua-dua pihak untuk memperbaiki pelaksanaan pesta pada masa akan datang. Dengan adanya kajian ini, pihak penganjur dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan Pesta Kaul Mukah 2024 serta merangka strategi peningkatan bagi edisi yang akan datang.

Bagi Kajian Impak Pengunjung, seramai 326 pengunjung telah dipilih sebagai responden dan diminta untuk mengisi soal selidik yang disediakan. Kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Pertama, bahagian Demografi Pengunjung yang mengandungi maklumat asas seperti umur, jantina, dan tempat asal pengunjung. Kedua, Aktiviti Paling Digemari Pengunjung yang mengenal pasti aktiviti yang menarik minat pengunjung sepanjang pesta berlangsung. Ketiga, kajian meneliti Impak Pesta Terhadap Ekonomi, Sosio-budaya, Alam Sekitar, dan Kemudahan, di mana penilaian menyeluruh dibuat mengenai pengaruh pesta ini terhadap pelbagai aspek kehidupan. Bahagian terakhir pula adalah Soalan Terbuka, di mana pengunjung memberi maklum balas berupa cadangan dan kritikan untuk menambah baik pelaksanaan pesta pada masa akan datang.

Untuk Kajian Terhadap Penjaja, seramai 50 penjaja telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Laporan ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Pertama, Demografi dan Latar Jualan Penjaja yang memberikan gambaran mengenai profil penjaja dan jenis barangan yang dijual sepanjang pesta. Kedua, kajian mengukur Keuntungan atau Kerugian yang dialami oleh penjaja semasa pesta, termasuk sejauh mana perniagaan mereka mendapat sambutan pengunjung. Bahagian ketiga pula melibatkan Soalan Terbuka, di mana penjaja memberikan pandangan, cadangan, dan kritikan mengenai pengalaman mereka semasa menyertai Pesta Kaul Mukah.


Sepanjang kajian, seramai tujuh orang pembantu penyelidik yang terdiri daripada belia Persatuan Melanau Mukah telah membantu dalam mengedarkan soal selidik kepada pengunjung dan penjaja. Kehadiran pembantu penyelidik ini amat penting dalam memastikan kelancaran proses pengumpulan data yang dijalankan sepanjang tiga hari utama Pesta Kaul Mukah 2024.

Secara keseluruhannya, laporan ini memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai impak Pesta Kaul Mukah 2024 terhadap kedua-dua pengunjung dan penjaja. Hasil kajian ini akan digunakan sebagai panduan untuk merancang strategi peningkatan pada edisi Pesta Kaul yang seterusnya, bagi memastikan ia terus relevan dan memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat.

KAJIAN IMPAK PENGUNJUNG PESTA KAUL MUKAH 2024


1.0 DEMOGRAFIK PENGUNJUNG

Rajah 1 menunjukkan pecahan peratusan responden mengikut jantina. Berdasarkan 326 jumlah responden yang bersetuju mengisi soal selidik ini, 66% atau bersamaan dengan 215 responden adalah perempuan dan selebihnya 34% atau 111 responden adalah lelaki.




Rajah 1 Pecahan jantina responden soal selidik Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2024

Soal selidik Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2024 telah menyasarkan responden yang berusia antara 15 hingga 75 tahun ke atas. Rajah 2 menunjukkan pecahan umur responden. 35.5% responden berusia dalam lingkungan 15 – 24 tahun, 20.9% responden berusia dalam lingkungan 25 – 34 tahun, 17.2% responden berusia dalam lingkungan 35 – 44 tahun dan 14.7% responden berusia dalam lingkungan 45 – 54 tahun manakala 3.3% responden berusia 65 tahun dan ke atas.



Rajah 2 Pecahan umur responden soal selidik Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2024

Berdasarkan Rajah 3 dibawah 62.3% responden adalah terdiri daripada kaum Melanau. 15% responden adalah pengunjung kaum Melayau, 8.6% responden adalah pengunjung dari kaum Iban dan 7.1% responden daripada kaum Cina. Lain-lain pengunjung adalah terdiri dari kaum India, Bidayuh, Orang Ulu (Kayan, Kenyah, Penan dan lain lain) dan lain-lain kaum.




Rajah 3 Pecahan kaum responden pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024

Berdasarkan 326 hasil soal selidik, status pendidikan pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024 menunjukkan bahawa kategori tertinggi adalah Sijil/Diploma dengan 113 orang atau 34.7%, diikuti oleh Sekolah Menengah yang melibatkan 102 orang atau 31.3%. Ijazah Sarjana Muda diwakili oleh 76 orang atau 23.3%, manakala PhD dan Ijazah Sarjana masing-masing menyumbang 2.8% (9 orang) dan 3.1% (10 orang). Sekolah Rendah juga melibatkan 10 orang atau 3.1%, dan Tiada Pendidikan Formal adalah kategori terendah dengan 6 orang atau 1.8%. Status Pendidikan boleh dirujuk pada Jadual 1 dan Rajah 4.

Status Pendidikan	Jumlah Responden	Peratusan
Ijazah Sarjana	10	3.1%
Ijazah Sarjana Muda	76	23.3%
PhD	9	2.8%
Sekolah Menengah	102	31.3%
Sekolah Rendah	10	3.1%
Sijil/Diploma	113	34.7%
Tiada pendidikan formal	6	1.8%

Jadual 1 Pecahan pengunjung mengikut status pendidikan




Rajah 4 Pecahan pengunjung mengikut status pendidikan

Berdasarkan 326 hasil soal selidik, status pekerjaan pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024 menunjukkan bahawa kategori terbesar terdiri daripada pelajar, dengan 95 orang atau 29.1% daripada jumlah responden. Ini diikuti oleh pekerja sektor kerajaan, yang terdiri daripada 90 orang atau 27.6%, mencerminkan kehadiran yang signifikan dari golongan profesional awam. Pengunjung yang bekerja sendiri pula merangkumi 68 orang atau 20.9%, manakala pekerja sektor swasta membentuk 16.0% atau 52 orang daripada responden. Di samping itu, terdapat 13 orang atau 4.0% pengunjung yang melaporkan sebagai penganggur, serta 8 orang atau 2.5% yang merupakan pesara. Pecahan ini menunjukkan kepelbagaian latar belakang pekerjaan pengunjung, dengan majoriti terdiri daripada pelajar dan pekerja kerajaan, serta penglibatan golongan yang bekerja sendiri, pekerja sektor swasta, dan individu yang tidak bekerja atau telah bersara. Rangkuman boleh dirujuk pada Jadual 2 dan Rajah 5.

Pekerjaan	Jumlah Responden	Peratusan
Bekerja (Kerajaan)	90	27.6%
Bekerja (Swasta)	52	16.0%
Bekerja Sendiri	68	20.9%
Pelajar	95	29.1%
Penganggur	13	4.0%
Pesara	8	2.5%

Jadual 2 Pecahan pengunjung mengikut pekerjaan




Rajah 5 Pecahan pengunjung mengikut pekerjaan

Berdasarkan 326 hasil soal selidik, status pendapatan bulanan pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024 menunjukkan bahawa majoriti pengunjung, iaitu 129 orang atau 39.57%, melaporkan pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Ini diikuti oleh 91 orang atau 27.91% yang memperoleh pendapatan bulanan dalam lingkungan RM1,000 hingga RM2,999, manakala 47 orang atau 14.42% berada dalam julat pendapatan RM3,000 hingga RM4,999. Seramai 22 orang atau 6.75% melaporkan pendapatan bulanan antara RM5,000 hingga RM6,999, diikuti oleh 17 orang atau 5.21% yang memperoleh RM7,000 hingga RM8,999. Pengunjung dengan pendapatan bulanan

RM9,000 hingga RM9,999 terdiri daripada 8 orang atau 2.45%, manakala 12 orang atau 3.68% melaporkan pendapatan bulanan RM10,000 ke atas. Data ini menggambarkan bahawa sebahagian besar pengunjung Pesta Kaul adalah dari golongan berpendapatan rendah hingga sederhana. Rangkuman status pendapatan bulanan pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024 dapat dirujuk pada Jadual 3 dan Rajah 6.

Pendapatan Bulanan	Jumlah Responden	Peratusan
RM10,000 ke atas	12	3.68%
RM9,000 - RM9,999	8	2.45%
RM7,000 - RM8,999	17	5.21%
RM5,000 - RM6,999	22	6.75%
RM3,000 - RM4,999	47	14.42%
RM1,000 - RM2,999	91	27.91%
Kurang daripada RM1,000	129	39.57%

Jadual 3 Pecahan pendapatan bulanan pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024




Rajah 6 Pecahan pendapatan bulanan pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024

Berdasarkan hasil soal selidik mengenai status perkahwinan pengunjung Pesta Kaul, didapati bahawa majoriti pengunjung terdiri daripada golongan bujang, iaitu 159 orang atau 48.77% daripada jumlah responden. Sementara itu, 151 orang atau 46.32% melaporkan bahawa mereka berkahwin, menjadikan mereka kumpulan kedua terbesar. Golongan duda, janda, balu, atau ibu tunggal pula merangkumi 16 orang atau 4.91%. Data ini menunjukkan keseimbangan antara pengunjung yang bujang dan berkahwin, dengan kehadiran kecil dari golongan yang pernah berkahwin atau ibu tunggal. Jadual 4 dan Rajah 7 menunjukkan pecahan status perkahwinan responden Pesta Kaul Mukah 2024.

Status Perkahwinan	Jumlah Responden	Peratusan
Berkahwin	151	46.32%
Bujang	159	48.77%
Duda/Janda/Balu/Ibu Tunggal	16	4.91%


Jadual 4 Status perkahwinan responden Pesta Kaul Mukah 2024



Rajah 7 Status perkahwinan responden Pesta Kaul Mukah 2024

Berdasarkan 326 hasil data soal selidik, majoriti pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024 berasal dari dalam negeri Sarawak, dengan 241 pengunjung atau jumlah terbesar dari Mukah. Ini tidak mengejutkan memandangkan Mukah adalah lokasi utama pesta ini diadakan, menjadikannya tumpuan utama penduduk setempat. Sibu merupakan penyumbang kedua tertinggi dengan 18 pengunjung, diikuti oleh Kuching dengan 15 pengunjung dan Miri dengan 13 pengunjung. Beberapa kawasan lain seperti Bintulu, Sarikei, Limbang, dan Kapit turut menyumbang pengunjung, walaupun dalam jumlah yang lebih kecil. Pengunjung dari kawasan seperti Sri Aman, Saratok, Kanowit, dan Serian pula melaporkan kehadiran yang minimal dengan masing-masing di bawah lima orang.

Selain pengunjung tempatan dari Sarawak, terdapat juga kehadiran pengunjung dari luar negeri Sarawak, walaupun dalam jumlah yang kecil. Selangor mencatat kehadiran tertinggi dengan 3 pengunjung, diikuti oleh Perak dengan 2 pengunjung. Terdapat juga pengunjung dari negeri-negeri lain di Malaysia seperti Sabah, Perlis, Kedah, dan Pulau Pinang, masing-masing dengan 1 pengunjung. Selain daripada Malaysia, terdapat pengunjung antarabangsa dari Indonesia dan Brunei, masing-masing menyumbang 1 pengunjung. Kehadiran pengunjung dari luar negeri, walaupun kecil, menunjukkan daya tarikan Pesta Kaul di peringkat yang lebih luas, merentasi sempadan Sarawak. Rangkuman data-data ini boleh dirujuk pada Rajah 8 dan Rajah 9.



Rajah 8 Responden pengunjung tempatan




Rajah 9 Responden pengunjung luar Sarawak

Berdasarkan data responden soal selidik mengenai tempat tinggal pengunjung semasa Pesta Kaul, didapati bahawa sebahagian besar pengunjung memilih untuk tinggal di rumah sendiri, dengan 212 orang melaporkan demikian. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengunjung adalah penduduk tempatan atau yang memiliki kediaman berhampiran kawasan pesta. Selain itu, 127 pengunjung atau sebahagian besar yang lain memilih untuk tinggal di rumah ahli keluarga atau saudara mara, menunjukkan keakraban dan sokongan komuniti dalam kalangan penduduk tempatan dan pengunjung yang datang dari luar kawasan.

Bagi pengunjung yang tidak tinggal di rumah sendiri atau rumah saudara mara, terdapat 6 orang yang memilih untuk tinggal di rumah sewa, manakala 9 orang menginap di hotel dan 5 orang memilih inap desa sebagai tempat penginapan mereka. Antara senarai hotel yang menjadi pilihan responden adalah Kingwood Hotel dan Kingwood

Resort. Beberapa pengunjung juga melaporkan tinggal di kolej kediaman atau kuarters (3 orang) serta di tapak Pesta Kaul (3 orang). Terdapat juga 1 orang yang melaporkan datang untuk day trip, tanpa bermalam di kawasan tersebut. Data ini menunjukkan pelbagai pilihan penginapan yang digunakan oleh pengunjung, dengan majoriti lebih cenderung kepada tinggal bersama keluarga atau di kediaman sendiri. Rajah 10 menunjukkan pecahan tempat tinggal responden sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024.



Rajah 10 Tempat tinggal responden sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024

Pelbagai medium hebahan digunakan untuk mempromosikan Pesta Kaul Mukah 2024, dengan majoriti pengunjung mengetahui tentang acara ini melalui media sosial, yang mencatatkan 43.9% (143 orang). Ini menunjukkan peranan penting platform digital seperti Facebook, Instagram, dan WhatsApp dalam menyebarkan maklumat mengenai pesta ini kepada orang ramai. Selain itu, rakan dan keluarga juga merupakan sumber maklumat yang signifikan, dengan 43.3% (141 orang) pengunjung mengetahui mengenai pesta ini melalui saluran ini. Hebahan melalui poster dan banner pula hanya mencapai 3.7% (12 orang), manakala radio digunakan oleh 2.8% (9 orang) pengunjung untuk mendapatkan maklumat mengenai Pesta Kaul Mukah.

Selain daripada sumber-sumber hebahan ini, sebahagian pengunjung hadir kerana mereka merupakan orang tempatan yang sudah terbiasa dengan penganjuran Pesta Kaul setiap tahun. Ada juga yang terlibat secara langsung melalui jabatan atau organisasi tertentu yang memainkan peranan dalam penganjuran atau penyertaan dalam acara tersebut. Di samping itu, Kalendar Rasmi Kaul Mukah turut digunakan sebagai medium rujukan untuk memastikan tarikh pesta ini diketahui lebih awal oleh penduduk setempat dan pelancong.


2.0 AKTIVITI PALING DIGEMARI PENGUNJUNG SEPANJANG PESTA KAUL MUKAH 2024

Sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024, pelbagai aktiviti dianjurkan untuk menarik minat pengunjung dari pelbagai lapisan masyarakat. Berdasarkan data yang diperoleh, Pertandingan Teluwaih Jinih mencatatkan sambutan paling tinggi dengan 62.6% pengunjung yang menyatakan minat terhadap aktiviti ini. Ini diikuti rapat oleh Pertandingan Tarian Tradisional Melanau dengan 49.1% dan Pertandingan Tibou dengan 41.4%, menunjukkan bahawa aktiviti berasaskan budaya tradisional Melanau sangat diminati oleh pengunjung.

Selain itu, Malam Galau CATS.FM (39.6%) dan Pertandingan Lubak Salui Lukut (37.1%) turut mendapat sambutan yang memberangsangkan, di mana aktiviti hiburan dan pertandingan berbentuk fizikal terus menarik perhatian pengunjung. Kaul Fun Run juga mencatatkan peratusan yang tinggi dengan 36.5% pengunjung memilih aktiviti ini, yang mencerminkan minat pengunjung terhadap acara sukan santai dan riadah.

Beberapa aktiviti lain yang turut menarik perhatian pengunjung termasuk Unity Night (29.8%), Pertandingan Fesyen Kanak-Kanak (28.2%), dan Melanau Idol (27.9%). Sambutan ini menunjukkan minat pengunjung terhadap hiburan yang melibatkan seni, budaya, dan pertunjukan bakat. Sebagai tambahan, beberapa bengkel dan pertandingan berasaskan budaya seperti Bengkel Membuat Seraheng dan Bengkel Membuat Tapou (masing-masing 23.9%), serta Pertandingan Iseik a Melanau (25.5%), menunjukkan minat sederhana dari pengunjung, tetapi tetap penting dalam menyemarakkan nilai-nilai tradisional dalam pesta ini. Aktiviti lain seperti Persembahan Buskers (17.8%), Pertandingan Memesei (18.7%), dan Pertandingan Tipak Nyawu (18.1%) menerima sambutan yang agak sederhana, mencerminkan keperluan untuk meningkatkan promosi atau mungkin memperbaharui konsep aktiviti ini untuk menarik lebih ramai peserta dan penonton.

Daripada analisis ini, dapat disimpulkan bahawa aktiviti yang berasaskan budaya tradisional Melanau seperti Pertandingan Teluwaih Jinih dan Pertandingan Tarian Tradisional Melanau mendapat sambutan yang sangat baik daripada pengunjung. Ini menunjukkan bahawa pengunjung Pesta Kaul Mukah menghargai dan berminat untuk menyertai serta menyaksikan aktiviti-aktiviti yang mengekalkan warisan budaya Melanau. Di samping itu, aktiviti berbentuk hiburan dan sukan santai seperti Malam Galau CATS.FM, Kaul Fun Run, dan Unity Night juga berjaya menarik perhatian ramai. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aktiviti yang mendapat sambutan sederhana, dan ini mungkin memerlukan penambahbaikan dari segi promosi dan pelaksanaan pada masa akan datang bagi meningkatkan minat dan penyertaan pengunjung. Rujuk Rajah 11 untuk rangkuman keseluruhan analisis.



Rajah 11 Aktiviti-aktiviti yang digemari oleh pengunjung Pesta Kaul Mukah 2024

3.0 IMPAK KESELURUHAN PESTA KAUL MUKAH 2024

Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Ekonomi, Sosiobudaya, Kemudahan dan Kebersihan

Secara keseluruhannya, impak Pesta Kaul 2024 terhadap ekonomi dan sosiobudaya (Jadual 5) adalah signifikan dan amat menggalakkan (min skor 4.29 dan 4.61). Purata responden berpandangan bahawa Pesta Kaul 2024 mampu menjana pendapatan untuk peniaga atau peruncit tempatan dan menarik ramai pelancong dan pengunjung ke Mukah. Sehubungan itu, Pesta Kaul 2024 dapat merangsang ekonomi tempatan. Tambahan lagi, Pesta Kaul 2024 didapati sangat membantu memelihara budaya Melanau dan mempromosikan komuniti tempatan.

Dalam aspek lain, impak Pesta Kaul 2024 terhadap kemudahan dan kebersihan (Jadual 5) adalah pada tahap yang sederhana (min skor 3.34 dan 3.53). Purata responden berpandangan kemudahan dan kebersihan di Pesta Kaul 2024 boleh ditambahbaikkan lagi pada masa yang akan datang.

Jadual 5: Statistik Deskriptif berkenaan Min Impak Pesta Kaul 2024									
	N	Mean	Std. Deviation	Minimum	Maximum	Skewness		Kurtosis	
						Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
Min ekonomi	326	4.29	.76591	1.00	5.00	-1.092	.135	1.318	.269
Min sosiobudaya	326	4.61	.56196	2.33	5.00	-1.469	.135	1.482	.269
Min kemudahan	326	3.34	.94600	1.00	5.00	.110	.135	-.372	.269
Min kebersihan	326	3.53	.96401	1.00	5.00	-.028	.135	-.572	.269

Impak Pesta Kaul Terhadap Ekonomi

Secara spesifiknya, untuk mengkaji impak Pesta Kaul Mukah 2024 terhadap ekonomi, pilihan skor 1 ialah sangat tidak setuju hingga pilihan skor 5 sangat setuju. Secara puratanya, responden bersetuju Pesta Kaul 2024 telah meningkatkan ekonomi tempatan, meningkatkan aktiviti perniagaan tempatan dan memberikan peluang pekerjaan sementara kepada penduduk tempatan (Jadual 6).

Jadual 6: Impak Pesta Kaul terhadap Ekonomi

	Adakah anda merasakan Pesta Kaul telah meningkatkan ekonomi tempatan?	Adakah anda melihat peningkatan dalam aktiviti perniagaan tempatan semasa Pesta Kaul?	Sejauh mana anda merasakan Pesta Kaul memberikan peluang pekerjaan sementara kepada penduduk tempatan?
Mean	4.41	4.15	4.32
Std. Deviation	.861	.962	.846
N	326	326	326

Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Sosiobudaya

Secara spesifiknya untuk mengkaji impak Pesta Kaul Mukah 2024 terhadap sosiobudaya, pilihan skor 1 sangat tidak setuju hingga pilihan skor 5 sangat setuju telah digunakan untuk item berkenaan memelihara budaya dan tradisi tempatan serta item hubungan antara komuniti. Seterusnya, pilihan skor 1 sangat menurun hingga pilihan skor 5 sangat meningkat telah digunakan untuk item pemahaman budaya tempatan. Secara puratanya, responden sangat bersetuju Pesta Kaul 2024 telah membantu dalam memelihara budaya dan tradisi tempatan dan memperkukuhkan hubungan antara komuniti (Jadual 7). Sehubungan itu, responden turut berpandangan Pesta Kaul 2024 sangat meningkatkan pemahaman terhadap budaya tempatan.

Jadual 7: Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Sosiobudaya

	Adakah anda merasakan Pesta Kaul membantu dalam memelihara budaya dan tradisi tempatan?	Sejauh mana Pesta Kaul telah meningkatkan pemahaman anda terhadap budaya tempatan?	Adakah anda merasakan Pesta Kaul memperkukuhkan hubungan antara komuniti?
Mean	4.67	4.51	4.65
Std. Deviation	.628	.664	.651
N	326	326	326

Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Kemudahan

Secara spesifiknya untuk mengkaji impak Pesta Kaul Mukah 2024 terhadap kemudahan, pilihan skor 1 sangat tidak puas hati hingga pilihan skor 5 sangat puas hati telah digunakan untuk mengukur item-item berkenaan kemudahan. Secara puratanya, responden bersikap sederhana berkenaan kemudahan e-hailing, kemudahan tandas awam, kemudahan tempat rehat sementara dan kemudahan tempat solat semasa Pesta Kaul 2024 (Jadual 8). Purata responden didapati tidak begitu berpuas hati dengan kemudahan parkir semasa Pesta Kaul 2024.

Jadual 8: Impak Pesta Kaul 2024 terhadap Kemudahan

	Sejauh mana anda berpuas hati dengan kemudahan e-hailing semasa Pesta Kaul?	Sejauh mana anda berpuas hati dengan kemudahan parkir semasa Pesta Kaul?	Sejauh mana anda berpuas hati dengan kemudahan tandas awam semasa Pesta Kaul?	Sejauh mana anda berpuas hati dengan kemudahan tempat rehat sementara seperti bangku/khemah/kipas semasa Pesta Kaul?	Sejauh mana anda berpuas hati dengan kemudahan tempat solat semasa Pesta Kaul? (abaikan soalan jika tidak berkaitan)
Mean	3.59	2.89	3.29	3.40	3.52
Std. Dev.	1.027	1.305	1.174	1.156	1.152
N	326	326	326	326	259

Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Kebersihan

Secara spesifiknya untuk mengkaji impak Pesta Kaul Mukah 2024 terhadap kebersihan, pilihan skor 1 sangat tidak puas hati hingga pilihan skor 5 sangat puas hati telah digunakan untuk mengukur item-item berkenaan kebersihan. Secara puratanya, purata responden bersikap sederhana berkenaan kebersihan kawasan dan kebersihan gerai-gerai makanan semasa Pesta Kaul 2024 (Jadual 9).

Jadual 9: Impak Pesta Kaul 2024 Terhadap Kebersihan

	Sejauh mana anda berpuas hati dengan kebersihan kawasan semasa Pesta Kaul?	Sejauh mana anda berpuas hati dengan kebersihan gerai-gerai makanan semasa Pesta Kaul?
Mean	3.35	3.70
Std. Deviation	1.113	.968
N	326	326

Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Jantina

Merujuk kepada Jadual 11, tidak terdapat perbezaan min impak keseluruhan merentasi jantina ($p > 0.05$). Untuk analisis impak Kaul Mukah 2024 merentasi jantina, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2024 bagi responden-responen lelaki dan perempuan masing-masing adalah 3.90, 3.96 (Jadual 10).

Jadual 10: Statistik berkenaan Jantina

	Jantina	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
Keseluruhan	Lelaki	111	3.90	.66665	.06328
	Perempuan	215	3.96	.61298	.04180

Jadual 11: Independent Samples Test berkenaan Jantina

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
Keseluruhan	Equal variances assumed	1.625	.203	-.758	324	.449	-.05598	.07383	-.20124	.08927
	Equal variances not assumed			-.738	206.741	.461	-.05598	.07584	-.20550	.09353

Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Kaum

Merujuk kepada Jadual 13, terdapat perbezaan min impak keseluruhan yang signifikan merentasi kaum-kaum yang berlainan ($p < 0.05$). Untuk analisis impak Kaul Mukah 2024 merentasi kaum, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2024 bagi responden-responden Melanau, Melayu, Iban, Cina, Bidayuh, Orang Ulu (Kayan, Kenyah, Penan) dan kaum lain (Brunei, Bajau, India, Italian, Kedayan) masing-masing adalah 3.83, 4.08, 4.35, 3.83, 4.42, 3.83, 4.06 (Jadual 12).

Antaranya, merujuk kepada Jadual 14, min impak keseluruhan bagi responden Iban (4.35) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden Melanau (3.83). Selain itu, min impak keseluruhan responden Bidayuh (4.42) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden Melanau (3.83). Akhirnya, min impak keseluruhan responden Iban (4.35) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden Cina (3.83).

Jadual 12: Deskriptif berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Kaum

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Melanau	203	3.83	.57663	.04047	3.7498	3.9094	2.42	5.00
Melayu	49	4.08	.73061	.10437	3.8672	4.2869	2.67	5.00
Iban	28	4.35	.57818	.10927	4.1210	4.5694	3.26	5.00
Cina	23	3.83	.66886	.13947	3.5376	4.1160	2.48	5.00
Bidayuh	12	4.42	.41471	.11972	4.1573	4.6843	3.76	5.00
Orang Ulu	5	3.83	.50397	.22538	3.2017	4.4533	3.29	4.45
Lain-Lain	6	4.06	.86678	.35386	3.1480	4.9673	3.13	5.00

Jadual 13: ANOVA berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Kaum

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	11.205	6	1.867	5.035	.000
Within Groups	118.319	319	.371		
Total	129.524	325			

Jadual 14 : Multiple Comparisons Tukey HSD berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Kaum

(I) kodKaum	(J) kodKaum	Mean Difference		Sig.	95% Confidence Interval	
		(I-J)	Std. Error		Lower Bound	Upper Bound
Melanau	Melayu	-.24744	.09694	.144	-.5351	.0402
	Iban	-.51564*	.12278	.001	-.8799	-.1513
	Cina	.00279	.13399	1.000	-.3948	.4004
	Bidayuh	-.59124*	.18093	.020	-1.1281	-.0544
	Orang Ulu	.00210	.27570	1.000	-.8160	.8202
	Lain-Lain	-.22804	.25228	.972	-.9766	.5205
Melayu	Melanau	.24744	.09694	.144	-.0402	.5351
	Iban	-.26820	.14428	.509	-.6963	.1599
	Cina	.25023	.15393	.666	-.2065	.7070
	Bidayuh	-.34379	.19616	.581	-.9258	.2383
	Orang Ulu	.24954	.28592	.976	-.5989	1.0979
	Lain-Lain	.01940	.26341	1.000	-.7622	.8010
Iban	Melanau	.51564*	.12278	.001	.1513	.8799
	Melayu	.26820	.14428	.509	-.1599	.6963
	Cina	.51843*	.17139	.042	.0099	1.0270
	Bidayuh	-.07560	.21013	1.000	-.6991	.5479
	Orang Ulu	.51774	.29568	.582	-.3596	1.3951
	Lain-Lain	.28760	.27398	.942	-.5254	1.1006
Cina	Melanau	-.00279	.13399	1.000	-.4004	.3948
	Melayu	-.25023	.15393	.666	-.7070	.2065
	Iban	-.51843*	.17139	.042	-1.0270	-.0099
	Bidayuh	-.59402	.21688	.092	-1.2376	.0495
	Orang Ulu	-.00069	.30051	1.000	-.8924	.8910
	Lain-Lain	-.23083	.27918	.982	-1.0592	.5976
Bidayuh	Melanau	.59124*	.18093	.020	.0544	1.1281
	Melayu	.34379	.19616	.581	-.2383	.9258
	Iban	.07560	.21013	1.000	-.5479	.6991
	Cina	.59402	.21688	.092	-.0495	1.2376
	Orang Ulu	.59333	.32418	.529	-.3686	1.5553
	Lain-Lain	.36319	.30451	.897	-.5404	1.2668
Orang Ulu	Melanau	-.00210	.27570	1.000	-.8202	.8160
	Melayu	-.24954	.28592	.976	-1.0979	.5989
	Iban	-.51774	.29568	.582	-1.3951	.3596
	Cina	.00069	.30051	1.000	-.8910	.8924
	Bidayuh	-.59333	.32418	.529	-1.5553	.3686
	Lain-Lain	-.23014	.36878	.996	-1.3244	.8641
Lain-Lain	Melanau	.22804	.25228	.972	-.5205	.9766
	Melayu	-.01940	.26341	1.000	-.8010	.7622
	Iban	-.28760	.27398	.942	-1.1006	.5254
	Cina	.23083	.27918	.982	-.5976	1.0592
	Bidayuh	-.36319	.30451	.897	-1.2668	.5404
	Orang Ulu	.23014	.36878	.996	-.8641	1.3244

*. The mean difference is significant at the 0.05 level.

Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Umur

Merujuk kepada Jadual 16, tidak terdapat perbezaan min impak keseluruhan merentasi kumpulan umur yang berlainan ($p > 0.05$). Untuk analisis impak Kaul Mukah 2024 merentasi kumpulan umur, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2024 bagi responden-responden 15-24 tahun, 25-34 tahun, 35-44 tahun, 45-54 tahun, 55-64 tahun, 65-74 tahun, 75 tahun ke atas masing-masing adalah 3.97, 4.01, 3.80, 3.97, 3.86, 3.93, 3.50 (Jadual 15).

Jadual 15 : Deskriptif berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Umur

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
15-24 tahun	115	3.97	.62942	.05869	3.8560	4.0886	2.67	5.00
25-34 tahun	68	4.01	.72531	.08796	3.8352	4.1863	2.42	5.00
35-44 tahun	56	3.80	.56743	.07583	3.6506	3.9545	2.63	5.00
45-54 tahun	48	3.97	.52669	.07602	3.8176	4.1235	2.84	5.00
55-64 tahun	28	3.86	.67689	.12792	3.5939	4.1189	2.48	5.00
65-74 tahun	9	3.93	.69317	.23106	3.3950	4.4606	2.91	4.85
75 tahun ke atas	2	3.50	.00589	.00417	3.4429	3.5488	3.49	3.50

Jadual 16: ANOVA berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Umur

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	2.152	6	.359	.898	.496
Within Groups	127.372	319	.399		
Total	129.524	325			

Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan

Merujuk kepada Jadual 18, terdapat perbezaan min impak keseluruhan yang signifikan merentasi status perkahwinan yang berlainan ($p < 0.05$). Untuk analisis impak Kaul Mukah 2024 merentasi status perkahwinan, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2024 bagi responden-responden berkahwin, bujang, duda/janda/balu masing-masing adalah 3.82, 4.00, 4.43 (Jadual 17).

Antaranya, merujuk kepada Jadual 19, min impak keseluruhan bagi responden bujang (4.00) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden berkahwin (3.82). Selain itu, min impak keseluruhan responden duda/janda/balu (4.43) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden berkahwin (3.82). Akhirnya, min impak keseluruhan responden duda/janda/balu (4.43) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden bujang (4.00).

Jadual 17: Deskriptif berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Berkahwin	151	3.82	.62755	.05107	3.7145	3.9163	2.42	5.00
Bujang	159	4.00	.61795	.04901	3.9055	4.0991	2.67	5.00
Duda/Janda/Balu	16	4.43	.46852	.11713	4.1819	4.6812	3.13	5.00

Jadual 18: ANOVA berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	6.824	2	3.412	8.982	.000
Within Groups	122.700	323	.380		
Total	129.524	325			

Jadual 19: Multiple Comparisons Tukey HSD berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan

(I) kodKahwin	(J) kodKahwin	Mean		Sig.	95% Confidence Interval	
		Difference (I-J)	Std. Error		Lower Bound	Upper Bound
Berkahwin	Bujang	-.18693*	.07003	.022	-.3518	-.0220
	Duda/Janda/Balu	-.61611*	.16204	.001	-.9977	-.2346
Bujang	Berkahwin	.18693*	.07003	.022	.0220	.3518
	Duda/Janda/Balu	-.42918*	.16165	.023	-.8098	-.0486
Duda/Janda/Balu	Berkahwin	.61611*	.16204	.001	.2346	.9977
	Bujang	.42918*	.16165	.023	.0486	.8098

*. The mean difference is significant at the 0.05 level.

Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Pendidikan

Merujuk kepada Jadual 21, tidak terdapat perbezaan min impak keseluruhan merentasi status pendidikan yang berlainan ($p > 0.05$). Untuk analisis impak Kaul Mukah 2024 merentasi status pendidikan, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2024 bagi responden-responden sarjana, sarjana muda, PhD, sekolah menengah, sekolah rendah, sijil/diploma, tiada pendidikan formal masing-masing adalah 3.94, 3.92, 3.67, 3.92, 4.25, 3.94, 4.19 (Jadual 20).

Jadual 20: Deskriptif berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Pendidikan

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Sarjana	10	3.94	.80601	.25488	3.3622	4.5153	2.79	5.00
Sarjana Muda	76	3.92	.58365	.06695	3.7907	4.0574	2.50	5.00
PhD	9	3.67	.60277	.20092	3.2098	4.1365	3.08	4.90
Sekolah Menengah	102	3.92	.63932	.06330	3.7898	4.0410	2.42	5.00
Sekolah Rendah	10	4.25	.45085	.14257	3.9258	4.5709	3.48	4.75
Sijil / Diploma	113	3.94	.64643	.06081	3.8239	4.0648	2.46	5.00
Tiada Pendidikan Formal	6	4.19	.80661	.32930	3.3466	5.0395	3.05	5.00

Jadual 21: ANOVA berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Pendidikan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	2.056	6	.343	.857	.527
Within Groups	127.468	319	.400		
Total	129.524	325			

Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Pekerjaan

Merujuk kepada Jadual 23, tidak terdapat perbezaan min impak keseluruhan merentasi pekerjaan yang berlainan ($p > 0.05$). Untuk analisis impak Kaul Mukah 2024 merentasi pekerjaan, didapati min impak keseluruhan Kaul Mukah 2024 bagi responden-responden bekerja (kerajaan), bekerja (swasta), bekerja sendiri, pelajar, penganggur, pesara masing-masing adalah 3.89, 4.03, 3.88, 4.00, 3.87, 3.79 (Jadual 22).

Jadual 22: Deskriptif berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Pekerjaan

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Bekerja (Kerajaan)	90	3.89	.58311	.06146	3.7639	4.0081	2.50	5.00
Bekerja (Swasta)	52	4.03	.65570	.09093	3.8438	4.2089	2.67	5.00
Bekerja Sendiri	68	3.88	.70949	.08604	3.7090	4.0525	2.42	5.00
Pelajar	95	4.00	.61734	.06334	3.8717	4.1232	2.76	5.00
Penganggur	13	3.87	.55181	.15305	3.5367	4.2036	3.13	5.00
Pesara	8	3.79	.62021	.21928	3.2726	4.3097	2.91	4.94

Jadual 23: ANOVA berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Pekerjaan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	1.439	5	.288	.719	.609
Within Groups	128.085	320	.400		
Total	129.524	325			

Penilaian Kemudahan (e-hailing, parkir, tandas awam, tempat rehat sementara, tempat solat) Kaul Mukah 2024 Merentasi Kaum

Merujuk kepada Jadual 25, terdapat perbezaan min penilaian kemudahan yang signifikan merentasi kaum yang berlainan ($p < 0.05$). Untuk penilaian terhadap kemudahan Kaul Mukah 2024 (kemudahan e-hailing, parkir, tandas awam, tempat rehat sementara, tempat solat), pilihan 1 bermakna sangat tidak puas hati, pilihan 2 bermakna tidak puas hati, pilihan 3 bermakna neutral, pilihan 4 bermakna puas hati dan pilihan 5 bermakna sangat puas hati.

Merujuk kepada Jadual 26, didapati min keseluruhan penilaian kemudahan Kaul Mukah 2024 bagi responden Melayu (3.60) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden Melanau (3.16). Tambahan lagi, min keseluruhan penilaian kemudahan Kaul Mukah 2024 bagi responden Iban (3.89) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden Melanau (3.16).

Jadual 24: Deskriptif berkenaan Penilaian Kemudahan Kaul Mukah 2024 merentasi Kaum

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Melanau	203	3.16	.86085	.06042	3.0400	3.2782	1.00	5.00
Melayu	49	3.60	1.06281	.15183	3.2988	3.9094	1.00	5.00
Iban	28	3.89	.95080	.17968	3.5242	4.2615	1.75	5.00
Cina	23	3.21	.96580	.20138	2.7954	3.6307	1.60	5.00
Bidayuh	12	3.85	.67924	.19608	3.4184	4.2816	3.20	5.00
Orang Ulu	5	3.11	.58992	.26382	2.3775	3.8425	2.25	3.80
Lain-Lain	6	3.26	1.62862	.66488	1.5492	4.9675	1.00	5.00

Jadual 25: ANOVA berkenaan Penilaian Kemudahan Kaul Mukah 2024 merentasi Kaum

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	22.275	6	3.712	4.409	.000
Within Groups	268.574	319	.842		
Total	290.848	325			

Jadual 26: Multiple Comparisons Tukey HSD berkenaan Penilaian Kemudahan Merentasi Kaum

(I) kodKaum	(J) kodKaum	Mean Difference		Sig.	95% Confidence Interval	
		(I-J)	Std. Error		Lower Bound	Upper Bound
Melanau	Melayu	-.44497*	.14605	.040	-.8783	-.0116
	Iban	-.73374*	.18498	.002	-1.2826	-.1849
	Cina	-.05393	.20187	1.000	-.6529	.5451
	Bidayuh	-.69089	.27259	.151	-1.4997	.1180
	Orang Ulu	.04911	.41537	1.000	-1.1834	1.2816
	Lain-Lain	-.09922	.38009	1.000	-1.2270	1.0286
Melayu	Melanau	.44497*	.14605	.040	.0116	.8783
	Iban	-.28878	.21737	.838	-.9338	.3562
	Cina	.39104	.23192	.626	-.2971	1.0792
	Bidayuh	-.24592	.29554	.981	-1.1229	.6310
	Orang Ulu	.49408	.43077	.913	-.7841	1.7723
	Lain-Lain	.34575	.39687	.977	-.8319	1.5234
Iban	Melanau	.73374*	.18498	.002	.1849	1.2826
	Melayu	.28878	.21737	.838	-.3562	.9338
	Cina	.67981	.25821	.120	-.0864	1.4460
	Bidayuh	.04286	.31659	1.000	-.8965	.9823
	Orang Ulu	.78286	.44548	.578	-.5390	2.1047
	Lain-Lain	.63452	.41278	.722	-.5903	1.8594
Cina	Melanau	.05393	.20187	1.000	-.5451	.6529
	Melayu	-.39104	.23192	.626	-1.0792	.2971
	Iban	-.67981	.25821	.120	-1.4460	.0864
	Bidayuh	-.63696	.32675	.449	-1.6065	.3326
	Orang Ulu	.10304	.45276	1.000	-1.2404	1.4465
	Lain-Lain	-.04529	.42063	1.000	-1.2934	1.2028
Bidayuh	Melanau	.69089	.27259	.151	-.1180	1.4997
	Melayu	.24592	.29554	.981	-.6310	1.1229
	Iban	-.04286	.31659	1.000	-.9823	.8965
	Cina	.63696	.32675	.449	-.3326	1.6065
	Orang Ulu	.74000	.48841	.736	-.7092	2.1892
	Lain-Lain	.59167	.45878	.856	-.7697	1.9530
Orang Ulu	Melanau	-.04911	.41537	1.000	-1.2816	1.1834
	Melayu	-.49408	.43077	.913	-1.7723	.7841
	Iban	-.78286	.44548	.578	-2.1047	.5390
	Cina	-.10304	.45276	1.000	-1.4465	1.2404
	Bidayuh	-.74000	.48841	.736	-2.1892	.7092
	Lain-Lain	-.14833	.55561	1.000	-1.7970	1.5003
Lain-Lain	Melanau	.09922	.38009	1.000	-1.0286	1.2270
	Melayu	-.34575	.39687	.977	-1.5234	.8319
	Iban	-.63452	.41278	.722	-1.8594	.5903
	Cina	.04529	.42063	1.000	-1.2028	1.2934
	Bidayuh	-.59167	.45878	.856	-1.9530	.7697
	Orang Ulu	.14833	.55561	1.000	-1.5003	1.7970

*. The mean difference is significant at the 0.05 level.

Penilaian Kemudahan (e-hailing, parkir, tandas awam, tempat rehat sementara, tempat solat) Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan

Merujuk kepada Jadual 28, terdapat perbezaan min penilaian kemudahan yang signifikan merentasi status perkahwinan ($p < 0.05$). Untuk penilaian terhadap kemudahan Kaul Mukah 2024 (kemudahan e-hailing, parkir, tandas awam, tempat rehat sementara, tempat solat), pilihan 1 bermakna sangat tidak puas hati, pilihan 2 bermakna tidak puas hati, pilihan 3 bermakna neutral, pilihan 4 bermakna puas hati dan pilihan 5 bermakna sangat puas hati.

Merujuk kepada Jadual 29, didapati min keseluruhan penilaian kemudahan Kaul Mukah 2024 bagi responden bujang (3.43) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden berkahwin (3.14). Tambahan lagi, min keseluruhan penilaian kemudahan Kaul Mukah 2024 bagi responden duda/janda/balu (3.93) adalah lebih tinggi secara signifikan berbanding dengan responden berkahwin (3.14).

Jadual 27: Deskriptif berkenaan Penilaian Kemudahan Kaul Mukah 2024 merentasi Status Perkahwinan

	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error	95% Confidence Interval for Mean		Minimum	Maximum
					Lower Bound	Upper Bound		
Berkahwin	151	3.14	.95168	.07745	2.9894	3.2954	1.00	5.00
Bujang	159	3.43	.93277	.07397	3.2794	3.5716	1.00	5.00
Duda/Janda/Balu	16	3.93	.57466	.14367	3.6282	4.2406	3.00	5.00

Jadual 28: ANOVA berkenaan Penilaian Kemudahan Kaul Mukah 2024 merentasi Status Perkahwinan

	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	12.572	2	6.286	7.296	.001
Within Groups	278.277	323	.862		
Total	290.848	325			

Jadual 29: Multiple Comparisons Tukey HSD berkenaan Impak Keseluruhan Kaul Mukah 2024 Merentasi Status Perkahwinan

(I) kodKahwin	(J) kodKahwin	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig.	95% Confidence Interval	
					Lower Bound	Upper Bound
Berkahwin	Bujang	-.28309*	.10547	.021	-.5314	-.0348
	Duda/Janda/Balu	-.79199*	.24403	.004	-1.3666	-.2174
Bujang	Berkahwin	.28309*	.10547	.021	.0348	.5314
	Duda/Janda/Balu	-.50890	.24344	.093	-1.0821	.0643
Duda/Janda/Balu	Berkahwin	.79199*	.24403	.004	.2174	1.3666
	Bujang	.50890	.24344	.093	-.0643	1.0821

*. The mean difference is significant at the 0.05 level.

4.0 KRITIKAN DAN CADANGAN PESTA KAUL MUKAH 2024

Kritikan Utama Mengenai Pesta Kaul 2024

Berikut adalah beberapa kritikan utama yang diterima mengenai Pesta Kaul 2024, yang dapat dijadikan panduan untuk penambahbaikan pada masa akan datang:

1) Kemudahan dan Infrastruktur:

- Tempat parkir yang terhad menyebabkan kesulitan kepada pengunjung.
- Bekalan elektrik sering terganggu, memberi kesan negatif kepada acara dan operasi gerai.
- Kekurangan tempat rehat berbumbung untuk pengunjung berehat dengan selesa.
- Tandas yang tidak bersih, air paip kotor, dan bau yang kurang menyenangkan.
- Kurangnya kemudahan seperti pili air untuk mencuci tangan atau kegunaan lain.
- Tempat persediaan peserta acara di belakang pentas terlalu panas dan tidak dilengkapi dengan penyaman udara.

2) Pengurusan dan Perancangan:

- Lambat memberi respon terhadap aduan peniaga dan pengunjung, terutama berkaitan dengan bekalan elektrik dan tempat parkir.
- Beberapa acara utama seperti Teluwaih Jinih tidak dijadualkan dengan baik, menyebabkan kelewatan dan ketidakselesaian peserta.
- Kurangnya koordinasi dan kerjasama antara pihak pengelola, menyebabkan pengurusan yang tidak efisien.
- Masa acara yang ditetapkan sering tidak dipatuhi, menyebabkan ketidakpuasan pengunjung.

3) Gerai dan Jualan:

- Harga makanan yang dijual di gerai terlalu mahal dan tidak berpatutan, dengan beberapa kes makanan basi yang menyebabkan masalah kesihatan kepada pengunjung.
- Gerai jualan yang sama setiap tahun, menjadikannya membosankan tanpa variasi.
- Gerai komuniti ada yang kurang memuaskan disebabkan oleh kekurangan dana, menyebabkan penyediaan gerai yang ala kadar.

4) Kebersihan dan Kesedaran Alam Sekitar:

- Kesedaran pengunjung mengenai kebersihan masih rendah, dengan sampah dibuang sembarangan.
- Tong sampah yang disediakan tidak mencukupi, menyebabkan sampah melimpah keluar dan memberi imej buruk kepada pengunjung luar.
- Pencemaran udara dan pencemaran pantai juga menjadi isu yang dibangkitkan.

5) Kualiti Acara dan Promosi:

- Promosi yang kurang, menyebabkan pengunjung luar kurang mengetahui mengenai acara yang dianjurkan.

- Perlu ada lebih banyak acara yang mendidik pengunjung tentang budaya Melanau, supaya mereka lebih memahami dan menghargai budaya setempat.
- Pencalonan Teluwaih Jinih perlu lebih berkualiti, dengan peserta yang lebih berpengetahuan tentang budaya Melanau.
- Aktiviti sukan rakyat yang terhad, dengan acara yang sama sahaja setiap tahun, mengurangkan daya tarik pesta.

6) Keselamatan dan Keselesaan:

- Pengelolaan tapak parkir yang kurang baik, termasuk tiada keutamaan untuk wanita mengandung atau orang tua, serta kurangnya kemudahan drop-off.
- Isu keselamatan seperti pencemaran udara dan kebersihan pantai perlu diatasi untuk memberi pengalaman yang lebih baik kepada pengunjung.

Kritikan-kritikan ini memberikan gambaran tentang aspek-aspek yang perlu diperbaiki dalam Pesta Kaul akan datang. Penekanan perlu diberikan kepada peningkatan infrastruktur, pengurusan acara yang lebih baik, peningkatan kesedaran kebersihan, dan penyediaan acara yang lebih menarik dan bervariasi untuk memastikan Pesta Kaul terus menjadi acara yang dinantikan setiap tahun.

Aspek-Aspek Penambahbaikan Penganjuran Pesta Kaul Akan Datang Berdasarkan Maklum Balas Responden

Berikut merupakan aspek-aspek yang boleh diambil kira untuk penambahbaikan penganjuran Pesta Kaul akan datang berdasarkan maklumbalas responden. Ini bertujuan untuk meningkatkan pengalaman keseluruhan, mempromosikan warisan budaya, dan memastikan kelancaran penganjuran Pesta Kaul pada masa akan datang.

1. Penambahan Aktiviti dan Kemudahan:

- Tambahkan lebih banyak permainan tradisional, seperti tarik tali dan gusti lengan, untuk memeriahkan suasana pesta.
- Sediakan satu khemah khas untuk mempamerkan koleksi barangan lama masyarakat Melanau dan sejarah-sejarah berkaitan.
- Tambah lebih banyak tong sampah dan perbanyakkan kemudahan tandas yang dibuka lebih lama, bukan hanya dari jam 8 pagi hingga 5 petang.
- Perbanyakkan aktiviti sukan rakyat dan permainan tradisional Melanau.
- Tambahkan gerai yang menjual makanan tempatan yang jarang dijual di tempat lain.
- Tambah tempat duduk untuk penonton acara dan sediakan lebih banyak kerusi.
- Perbanyakkan gerai komuniti yang mempromosikan usaha-usaha masyarakat setempat.

2. Peningkatan Aspek Penganjuran:

- Tingkatkan kriteria pemilihan peserta Teluwaih Jiniih untuk memastikan kualiti pemenang, terutama dalam cara menjawab soalan secara spontan.
- Kurangkan kadar sewaan gerai untuk peniaga.
- Sediakan skrin TV tambahan untuk memudahkan penonton yang melihat dari jauh.
- Kurangkan gerai jualan yang tidak berkaitan dengan tema budaya.
- Jemput pengengaruh dan *vlogger* untuk mempromosikan Pesta Kaul.
- Tambahkan promosi awal untuk menarik lebih banyak pengunjung.

3. Peningkatan Kebersihan dan Kemudahan:

- Pastikan kebersihan persekitaran dijaga dengan baik, bukan hanya di kawasan khemah, tetapi di seluruh tapak pesta.
- Tingkatkan kemudahan solat yang lebih besar dan selesa untuk pengunjung.
- Sediakan lebih banyak tempat letak kereta atau perkhidmatan bas shuttle untuk pelancong dari luar bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.
- Tambahkan gerai komuniti yang menawarkan kelainan, seperti perusahaan tempatan yang berjaya, untuk meningkatkan ekonomi kampung.

4. Aspek Budaya dan Tradisi:

- Kekalkan semangat Kaul dengan mengadakan satu hari khusus untuk acara makan bersama di tapak pesta sebelum gerai-gerai jualan dibuka.
- Ketengahkan masakan tempatan asli seperti udang bakar, ulat mulong panggang, umai ikan, linut, dan ulam-ulam tempatan.
- Elakkan pertembungan dengan acara besar lain untuk memastikan fokus penuh pada Pesta Kaul.

Cadangan Responden untuk Meningkatkan Kualiti Penganjuran Pesta Kaul

Berikut adalah cadangan daripada responden untuk meningkatkan kualiti penganjuran Pesta Kaul Mukah pada masa akan datang:

1. **Penambahan Booth Gerai Makanan:** Lebih banyak gerai jualan makanan perlu disediakan untuk memenuhi permintaan pengunjung.
2. **Bengkel/ Seminar Khas:** Anjurkan bengkel atau seminar khas mengenai sejarah Melanau untuk mendidik generasi muda.
3. **Peningkatan Kualiti Kebersihan Pantai:** Tingkatkan usaha menjaga kebersihan pantai agar lebih menarik dan nyaman untuk dikunjungi.
4. **Kemudahan Solat yang Selesa:** Sediakan kemudahan solat yang lebih selesa untuk pengunjung Muslim.
5. **Peningkatan Kebersihan dan Keselesaan:** Pastikan kebersihan persekitaran dipertingkatkan, dan sediakan tempat menjamu selera (Mukah Kitchen) yang lebih selesa dan sejuk.
6. **Penyelesaian Masalah Bekalan Elektrik:** Perbaiki masalah bekalan elektrik agar tidak mengganggu aktiviti dan perniagaan.
7. **Kemudahan Pembuangan Sampah:** Tingkatkan kemudahan untuk membuang sampah agar kawasan pesta tetap bersih.
8. **Promosi yang Lebih Luas:** Perbanyakkan promosi, terutamanya di media sosial, supaya masyarakat luar mengetahui mengenai Pesta Kaul dan menarik lebih ramai pengunjung.
9. **Penambahan Ruang Parkir:** Tambahkan lebih banyak ruang parkir dan pastikan kawasan tersebut dilengkapi dengan lampu untuk keselamatan pada waktu malam.
10. **Lebih Banyak Konsert:** Anjurkan lebih banyak konsert untuk menarik minat pengunjung.
11. **Kemudahan Tempat Duduk:** Tingkatkan kemudahan tempat duduk bagi keselesaan pengunjung.
12. **Pengurusan Parkir yang Lebih Teratur:** Bahagikan penjaga kenderaan di tempat parkir untuk mengurangkan kesesakan.
13. **Pertandingan Sukan Rakyat:** Perbanyakkan lagi pertandingan sukan rakyat untuk memeriahkan suasana.
14. **Acara Baru:** Tambahkan acara baru yang belum pernah diadakan sebelum ini untuk menarik minat pengunjung.
15. **Peningkatan Jualan:** Tingkatkan mutu gerai jualan bagi memberikan pengalaman membeli-belah yang lebih baik.
16. **Pesta Kaul Selepas Hari Gaji:** Pertimbangkan untuk mengadakan Pesta Kaul selepas hari gaji untuk menarik lebih ramai pengunjung.
17. **Lokasi Pentas Utama yang Strategik:** Letakkan pentas utama dan penonton di lokasi yang lebih sesuai untuk keselesaan semua.
18. **Pelbagaikan Aktiviti Harian:** Tambahkan lebih banyak aktiviti harian supaya setiap hari pesta lebih meriah.

19. **Peluang Untuk Peniaga Tempatan:** Beri peluang kepada peniaga kecil tempatan untuk berniaga, dan bukan hanya tertumpu kepada peniaga luar daerah Mukah.
20. **Lebih Banyak Aktiviti dan Pertandingan:** Wujudkan lebih banyak aktiviti dan pertandingan baru untuk menjadikan Pesta Kaul lebih meriah dan menarik lebih banyak pengunjung.
21. **Penambahan Program dan Aktiviti Menarik:** Tambahkan program dan aktiviti yang menarik untuk menggalakkan penglibatan lebih ramai orang.
22. **Aktiviti Tanpa Mengira Umur:** Adakan aktiviti yang boleh disertai oleh pelbagai peringkat umur untuk menarik lebih ramai pengunjung.
23. **Promosi Awal:** Pastikan promosi dilakukan lebih awal sebelum tarikh pesta untuk menarik minat pengunjung.
24. **Elakkan Pesta yang Bertindih:** Elakkan mengadakan pesta lain yang bersaing dengan Pesta Kaul, seperti Regatta.
25. **Pesta Sukan Air:** Adakan pesta sukan air seperti pertandingan kayak, pertandingan menarik rumbia dalam air, dan lain-lain di tapak Kaul.
26. **Penyertaan Lebih Banyak Kampung:** Galakkan penyertaan dan sokongan daripada lebih banyak kampung untuk memeriahkan pesta.
27. **Penyediaan parkir kereta yang Lebih Banyak:** Sediakan lebih banyak ruang parkir untuk kemudahan pengunjung.
28. **Kebersihan Pantai:** Selain tapak pesta, pantai juga perlu dibersihkan untuk memberikan imej yang baik kepada pengunjung luar.
29. **Pertandingan Memancing Laut Dalam:** Anjurkan pertandingan memancing laut dalam dan pertandingan memukat atau menjaring ikan di tepi pantai.
30. **Kemudahan Rehat yang Lebih Banyak:** Tambahkan tempat berehat, tong sampah, dan khemah ruang makan untuk keselesaan pengunjung.
31. **Peningkatan Kualiti Skrin Pentas:** Perbaiki skrin pentas supaya pengunjung dapat mengikuti aktiviti di pentas utama dengan lebih mudah.
32. **Libatkan Lebih Banyak NGO:** Libatkan lebih banyak NGO dan syarikat untuk turut serta, serta libatkan pelajar sekolah dan belia dalam aktiviti pesta.
33. **Aktiviti Tradisional di Pantai:** Tambahkan aktiviti tradisional di pantai seperti Pisak Giwai, Pisak Guli, dan lain-lain.
34. **Pertandingan Lelaki atau Belia Gap:** Adakan pertandingan yang melibatkan lelaki atau belia untuk memeriahkan pesta.
35. **Penglibatan Semua Jabatan:** Libatkan semua jabatan dalam aktiviti untuk meningkatkan penglibatan dan kolaborasi.
36. **Pameran Budaya Melanau:** Tambahkan pameran yang berkaitan dengan budaya atau adat Melanau.
37. **Bengkel Tarian Melanau dan Sago:** Anjurkan bengkel tarian Melanau dan proses sago untuk mendidik generasi muda.
38. **Pertandingan Teluwaih Jiniih pada Hujung Minggu:** Adakan pertandingan Teluwaih Jiniih pada hujung minggu agar lebih ramai dapat menyaksikan.
39. **Libatkan Sukarelawan Berpengalaman:** Libatkan sukarelawan dari pelbagai golongan umur, termasuk pelajar universiti, untuk memberikan pengalaman dan idea kreatif dalam mempromosikan pesta.

40. **Booth Kuiz Melanau:** Tambahkan booth kuiz Melanau untuk menarik minat pelajar sekolah dengan pelbagai jenis kuiz, termasuk yang menggunakan teknologi terkini.
41. **Penyediaan Skrin Besar:** Sediakan skrin besar di sekitar kawasan pesta untuk pengunjung yang ingin mengikuti acara di pentas utama.
42. **Peningkatan Sistem Perparitan:** Perbaiki sistem perparitan di tapak pesta untuk mengelakkan masalah kebersihan dan pencemaran bau pasca pesta.
43. **Pemilihan Pengacara Majlis yang Bijak:** Pastikan pengacara yang dipilih bijak mengendalikan acara dan tidak membuat kesilapan semasa mengumumkan pemenang.
44. **Penambahan Gerai Komuniti:** Tambahkan gerai komuniti dari pelbagai bangsa di Mukah dan gerai yang berkaitan dengan sekolah-sekolah di Mukah yang kaya dengan sejarah.
45. **Sokongan Untuk Pelajar:** Libatkan sekolah-sekolah untuk meningkatkan markah kokurikulum pelajar yang mahu terlibat dalam pesta

KAJIAN IMPAK PENIAGA PESTA KAUL MUKAH 2024

1.0 PROFIL PENJAJA PESTA KAUL MUKAH 2024

Seramai 50 orang responden yang terdiri daripada peniaga dan penjaja di tapak Pesta Kaul Mukah 2024 telah terlibat dalam kajian ini. Daripada keseluruhan responden, majoriti terlibat dalam perniagaan makanan dan minuman, dengan 52% daripada mereka menjual pelbagai jenis makanan dan minuman kepada pengunjung. Ini menunjukkan bahawa makanan dan minuman merupakan kategori yang paling diminati oleh penjaja dan berkemungkinan besar permintaan pengunjung terhadap produk ini juga tinggi sepanjang pesta berlangsung. Rujuk Jadual 1 dan Rajah 1 untuk rangkuman keseluruhan kategori perniagaan sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024.


Sebanyak 20% penjaja pula menjalankan perniagaan dalam kategori pakaian, menjual pelbagai jenis pakaian tradisional dan moden. Ini diikuti oleh 8% penjaja yang menjual produk tempatan, yang mungkin merangkumi hasil-hasil pertanian, barangan buatan tempatan, atau produk lain yang mencerminkan identiti budaya setempat.

Kategori lain yang turut terlibat dalam perniagaan di pesta ini adalah kraftangan dan wangian, masing-masing mencatatkan 4%. Kraftangan tradisional dan wangian tempatan, walaupun merupakan sebahagian kecil daripada jumlah keseluruhan peniaga, tetap memberikan nilai tambah kepada variasi produk yang ditawarkan di pesta ini. Sebanyak 1% penjaja terlibat dalam perniagaan pencetakan, yang mungkin termasuk cenderamata bercetak, t-shirt, atau barangan lain yang berkaitan dengan Pesta Kaul Mukah. Walaupun peratusan ini kecil, ia menambah kepelbagaian perniagaan di tapak pesta.

Secara keseluruhannya, perniagaan makanan dan minuman mendominasi tapak Pesta Kaul Mukah 2024, diikuti dengan perniagaan pakaian dan produk tempatan. Ini menunjukkan bahawa keperluan asas seperti makanan dan minuman serta minat terhadap produk yang bersifat budaya dan tempatan masih menjadi tumpuan utama di kalangan pengunjung. Namun, terdapat juga peluang bagi kategori perniagaan lain seperti kraftangan dan pencetakan untuk berkembang, terutamanya dengan strategi promosi yang lebih berkesan pada masa akan datang.

Kategori Perniagaan	Bilangan Penjaja	Peratusan (%)
Makanan & Minuman	26	52%
Pakaian	10	20%
Produk Tempatan	4	8%
Kraftangan	2	4%
Wangian	2	4%
Pencetakan	1	1%

Jadual 1 Pecahan kategori perniagaan




Rajah 1 Jualan semasa Pesta Kaul Mukah 2024

Berdasarkan Rajah 2 hasil kajian terhadap tempoh perniagaan penjaja di Pesta Kaul Mukah 2024, didapati bahawa majoriti penjaja, iaitu 36%, telah berniaga selama lebih daripada 10 tahun. Ini menunjukkan bahawa terdapat sejumlah besar penjaja berpengalaman yang telah lama bertapak dalam industri perniagaan, terutama dalam konteks acara seperti Pesta Kaul. Selain itu, sebanyak 30% penjaja mempunyai pengalaman perniagaan selama 1 hingga 3 tahun, menggambarkan kehadiran penjaja yang masih baru tetapi sedang membina tapak dalam perniagaan mereka.

Sebanyak 14% penjaja pula mempunyai pengalaman 4 hingga 6 tahun, manakala 12% lagi telah berniaga selama 7 hingga 10 tahun. Golongan ini berada dalam fasa pertengahan kerjaya perniagaan mereka dan berkemungkinan sedang mengukuhkan kedudukan dalam pasaran. Di samping itu, 8% penjaja merupakan perniaga yang baru menceburi bidang ini dengan tempoh perniagaan kurang daripada 1 tahun. Kehadiran mereka mencerminkan minat generasi baru dalam bidang keusahawanan, terutama dalam acara besar seperti Pesta Kaul.

Keseluruhannya, data ini menunjukkan variasi dalam tempoh perniagaan penjaja, dengan dominasi oleh mereka yang berpengalaman lebih lama, namun turut diiringi oleh penyertaan penjaja baru yang menambah dinamik dalam sektor perniagaan pesta.




Rajah 2 Tempoh perniagaan penjaja Pesta Kaul Mukah 2024

Berdasarkan Rajah 3 kajian mengenai kaedah pembayaran yang ditawarkan di gerai semasa Pesta Kaul Mukah 2024, didapati bahawa pembayaran tunai adalah kaedah yang paling banyak digunakan, dengan 78% (39 orang) penjaja menawarkan pilihan ini. Kaedah pembayaran tunai tetap menjadi pilihan utama bagi kebanyakan pengunjung yang mungkin lebih selesa menggunakan wang fizikal.

Selain itu, terdapat juga penggunaan kaedah cashless yang semakin meningkat. Sebanyak 66% (33 orang) penjaja menerima pembayaran melalui QR Code, yang mencerminkan kemudahan dan kepopularan teknologi pembayaran digital di kalangan pengunjung. Kaedah cashless melalui pindahan dalam talian juga popular, dengan 64% (32 orang) penjaja menawarkan pilihan ini, menunjukkan kesedaran tentang kepentingan transaksi yang cepat dan mudah.

Walaupun demikian, kaedah pembayaran touch n go mencatatkan penggunaan yang lebih rendah, dengan hanya 16% (8 orang) penjaja yang menyediakan pilihan ini. Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelbagai kaedah pembayaran yang ditawarkan, pembayaran tunai dan QR Code merupakan pilihan yang paling popular di kalangan penjaja dan pengunjung semasa Pesta Kaul Mukah 2024.



Rajah 3 Kaedah pembayaran yang ditawarkan penjaja sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024


2.0 UKURAN UNTUNG RUGI PENJAJA PESTA KAUL MUKAH 2024

Berdasarkan kajian mengenai keuntungan penjaja semasa Pesta Kaul Mukah 2024, didapati bahawa sebanyak 90% responden melaporkan bahawa mereka telah memperoleh keuntungan sepanjang tempoh pesta berlangsung. Pecahan keuntungan menunjukkan bahawa julat keuntungan yang paling besar, iaitu 26% penjaja, mencatatkan keuntungan dalam lingkungan RM1000 hingga RM2499. Ini menunjukkan bahawa ramai penjaja berjaya memperoleh hasil yang baik dalam julat tersebut.


Sebagai tambahan, 8% daripada peniaga melaporkan keuntungan sebanyak RM7500 ke atas, yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa penjaja yang mencapai prestasi luar biasa. Ini menggambarkan potensi tinggi bagi peniaga yang beroperasi di Pesta Kaul Mukah, di mana kebanyakan mereka dapat meraih keuntungan yang signifikan.

Di pihak lain, 10% penjaja mengalami kerugian. Rajah 2 menunjukkan pecahan jumlah kerugian yang dialami oleh penjaja tersebut. Dari jumlah ini, 14% responden melaporkan kerugian kurang daripada RM500, manakala 8% mengalami kerugian dalam julat RM500 hingga RM999. Selain itu, 12% penjaja mencatatkan kerugian dalam lingkungan RM1000 hingga RM2499. Data ini menunjukkan bahawa walaupun sebahagian besar penjaja berjaya memperoleh keuntungan, terdapat juga cabaran yang dihadapi oleh beberapa peniaga yang beroperasi dalam persekitaran yang kompetitif semasa Pesta Kaul Mukah 2024.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini mencerminkan situasi ekonomi yang positif bagi kebanyakan penjaja, sambil menggariskan keperluan untuk memahami faktor-faktor yang mungkin menyebabkan kerugian bagi sebahagian peniaga.



Rajah 4 Jumlah Keuntungan Penjaja Pesta Kaul Mukah 2024



Rajah 5 Jumlah Kerugian Penjaja Pesta Kaul Mukah 2024

Faktor-Faktor Utama Kerugian Sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024

Faktor-faktor yang dikenal pasti sebagai punca utama kerugian sepanjang Pesta Kaul Mukah 2024 adalah seperti berikut. Cuaca yang tidak menentu dilaporkan oleh 28% responden sebagai isu utama, diikuti dengan masalah bekalan elektrik yang kerap terputus (20%). Kurang pengunjung dan kos operasi yang tinggi masing-masing menyumbang kepada 22% daripada cabaran yang dihadapi. Masalah bekalan atau stok dikenal pasti oleh 14% responden, sementara lokasi gerai yang kurang strategik dan persaingan yang tinggi masing-masing dilaporkan oleh 12% responden. Selain itu, 8% responden melaporkan peralatan elektrik yang rosak serta kerosakan bahan mentah akibat masalah bekalan elektrik, manakala 6% menyatakan bahawa pertembungan dengan acara besar lain turut menjejaskan perniagaan mereka.

Faktor Kerugian	Peratusan (%)
Cuaca yang tidak menentu	28%
Masalah bekalan elektrik yang kerap terputus	20%
Kurang pengunjung	22%
Kos operasi yang tinggi	22%
Masalah bekalan atau stok	14%
Lokasi gerai yang kurang strategik	12%
Persaingan yang tinggi	12%
Peralatan elektrik yang rosak serta kerosakan bahan mentah akibat bekalan elektrik yang kerap terputus	8%
Pertembungan dengan acara besar yang lain	6%

Jadual 2 Ringkasan Faktor Kerugian Peniaga Pesta Kaul 2024

3.0 KRITIKAN DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Cadangan untuk Meningkatkan Pengalaman Peniaga dan Penjaja pada Pesta Kaul yang Akan Datang

Berikut adalah cadangan yang telah diolah semula untuk meningkatkan pengalaman peniaga dan penjaja pada Pesta Kaul yang akan datang:

1. **Mementingkan Kebajikan Peniaga:** Pastikan kebajikan peniaga terjaga untuk mengelakkan kerugian, terutamanya berkaitan dengan barangan elektronik.
2. **Memupuk Toleransi Antara Kaum:** Galakkan sifat toleransi dan kerjasama yang erat antara pelbagai kaum bagi mewujudkan suasana yang harmonis.
3. **Penyediaan Kemudahan Yang Lengkap:** Sediakan kemudahan asas yang mencukupi untuk menyokong operasi perniagaan yang lancar.
4. **Peningkatan Aktiviti Menarik:** Tambahkan aktiviti-aktiviti yang lebih menarik untuk menarik perhatian pengunjung dan meningkatkan trafik.
5. **Penyediaan Tandas Yang Mencukupi:** Pastikan bilangan tandas yang disediakan mencukupi bagi menampung jumlah pengunjung yang besar.
6. **Penambahbaikan Bekalan Air dan Saluran:** Pastikan bekalan air paip yang lebih baik dan saluran air yang efisien untuk kegunaan peniaga.
7. **Penyelesaian Masalah Bekalan Elektrik:** Atasi masalah bekalan elektrik yang kerap terputus untuk mengelakkan gangguan kepada perniagaan.
8. **Penilaian Semula Sewa Gerai:** Kajian semula kadar sewa gerai untuk memastikan ia berpatutan dan tidak membebankan peniaga.
9. **Penyelarasan Aktiviti:** Elakkan aktiviti yang diadakan serentak dalam satu tempoh untuk memastikan setiap acara mendapat perhatian yang sewajarnya.
10. **Pilih Musim/Bulan Yang Sesuai:** Pesta diadakan pada musim atau bulan yang lebih sesuai untuk mengelakkan gangguan cuaca yang tidak menentu.
11. **Peningkatan Promosi di Media Sosial:** Lakukan promosi yang lebih agresif di media sosial untuk meningkatkan kesedaran dan kehadiran pengunjung.
12. **Memudahkan Proses Mendapatkan Lot Gerai:** Permudahkan proses permohonan dan pendaftaran untuk mendapatkan lot gerai jualan.
13. **Penyediaan Kerusi Meja Untuk Pengunjung:** Sediakan susunan kerusi meja yang mencukupi untuk keselesaan pengunjung.
14. **Pengurangan Harga Sewa Tapak:** Pertimbangkan untuk mengurangkan harga sewa tapak bagi meringankan beban kos operasi peniaga.
15. **Penambahbaikan Laluan Masuk:** Pastikan laluan jalan masuk untuk peniaga lebih lancar dan teratur.
16. **Aktiviti Sokongan Untuk Peniaga:** Anjurkan aktiviti atau bengkel yang dapat memberi manfaat tambahan kepada peniaga.

Kritikan Terhadap Pengurusan Gerai Semasa Pesta Kaul 2024

Berikut adalah kritikan yang telah diolah semula mengenai pengurusan gerai semasa Pesta Kaul 2024:

1. **Tindakan dan Respon Lambat:** Respon pihak pengurusan terhadap isu yang timbul adalah lambat dan kurang meyakinkan peniaga, menyebabkan kekeliruan dan ketidakpuasan hati.
2. **Masalah Bekalan Elektrik:** Bekalan elektrik sering terputus, mengganggu operasi perniagaan dan menimbulkan kerugian kepada peniaga.
3. **Kualiti Air Paip:** Air paip yang disediakan tidak bersih, menimbulkan kebimbangan mengenai kebersihan dan kesihatan.
4. **Pendawaian Elektrik Yang Tidak Selamat:** Pengurusan bahagian elektrik, terutama dari segi pendawaian, kurang mematuhi piawaian keselamatan, meningkatkan risiko kejadian yang tidak diingini.
5. **Penyelesaian Masalah yang Perlahan:** Penyelesaian masalah, khususnya berkaitan dengan bekalan elektrik, dilakukan dengan terlalu lambat, menjejaskan kelancaran perniagaan.
6. **Kurangnya Responsiviti Penganjur:** Pihak penganjur kurang responsif terhadap aduan dan keperluan peniaga, mengakibatkan ketidakpuasan hati di kalangan mereka.
7. **Susunan Tapak Yang Tidak Memuaskan:** Penyusunan tapak gerai tidak diatur dengan baik, mengakibatkan kesesakan dan kesulitan kepada peniaga dan pengunjung.
8. **Sewa Gerai yang Tinggi:** Kadar sewa gerai dianggap terlalu mahal oleh peniaga, tidak setimpal dengan kemudahan yang disediakan.
9. **Pengurusan Tapak Jualan:** Terdapat kelemahan dalam pengurusan tapak jualan, seperti penutup longkang yang tidak memadai dan simen yang pecah, menjejaskan keselamatan dan keselesaan.
10. **Penyediaan Tong Sampah yang Tidak Mencukupi:** Kekurangan tong sampah di kawasan gerai menyebabkan masalah kebersihan.
11. **Servis Tidak Sepadan Dengan Harga:** Servis yang disediakan tidak setimpal dengan harga sewa tapak yang dikenakan kepada peniaga.

Aspek Penambahbaikan atau Pengurangan dalam Penganjuran Gerai Pesta Kaul

Berikut adalah aspek-aspek yang dirasakan perlu penambahbaikan atau pengurangan dalam penganjuran gerai Pesta Kaul:

1. **Penetapan Waktu yang Sesuai:** Masa penganjuran perlu dipilih dengan lebih teliti, mengambil kira faktor cuaca agar tidak mengganggu kelancaran acara.
2. **Penyelesaian Masalah Bekalan Elektrik:** Masalah bekalan elektrik perlu ditangani dengan lebih berkesan untuk mengelakkan gangguan kepada perniagaan peniaga.
3. **Penyediaan Tandas:** Tandas yang disediakan perlu ditambah atau diperbaiki untuk memastikan kebersihan dan keselesaan pengunjung.
4. **Kawalan Terhadap Jenis Jualan:** Hadkan jumlah gerai bagi setiap jenis jualan, seperti hanya membenarkan 2 atau 3 gerai yang menjual pakaian kebudayaan, untuk mengelakkan persaingan berlebihan.
5. **Keselamatan Kanopi:** Pastikan kanopi diikat dengan kukuh untuk mengelakkan ia terangkat ketika angin kencang, demi keselamatan peniaga dan pengunjung.
6. **Penetapan Waktu Aktiviti Keramaian:** Waktu untuk mengadakan aktiviti keramaian haruslah lebih sesuai, misalnya selepas pengunjung menerima gaji, untuk menarik lebih ramai pengunjung.
7. **Peningkatan Responsif Penganjur:** Penganjur perlu lebih responsif terhadap keperluan dan masalah yang dihadapi oleh peniaga serta pengunjung.
8. **Penambahan Ruang Parkir:** Sediakan lebih banyak ruang parkir untuk kemudahan pengunjung, bagi mengurangkan kesesakan dan memudahkan akses ke tapak pesta.

Kesimpulan Laporan Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2024

Laporan kajian impak Pesta Kaul Mukah 2024 menunjukkan bahawa pesta ini telah memberikan kesan yang positif kepada pengunjung dan penjaja yang terlibat. Daripada analisis yang telah dijalankan, dapat dilihat bahawa aktiviti yang dianjurkan, khususnya yang berasaskan budaya Melanau, mendapat sambutan yang memberangsangkan. Keberadaan pelbagai pilihan aktiviti, termasuk pertandingan dan persembahan seni, telah menarik perhatian pengunjung, dengan banyak daripada mereka menunjukkan minat terhadap warisan budaya tempatan.

Berdasarkan kajian terhadap penjaja, 90% daripada responden melaporkan bahawa mereka telah memperoleh keuntungan, dengan majoriti keuntungan berada dalam julat RM1000 hingga RM2499. Ini menunjukkan bahawa Pesta Kaul Mukah bukan sahaja merangsang interaksi sosial tetapi juga memberikan peluang perniagaan yang menguntungkan bagi peniaga. Walau bagaimanapun, terdapat juga cabaran yang dihadapi oleh sebahagian penjaja, dengan 10% melaporkan kerugian. Ini menggariskan keperluan untuk pihak penganjur dan penjaja memahami dinamika pasaran dan merancang strategi yang lebih berkesan untuk mengurangkan risiko kerugian.

Secara keseluruhannya, Pesta Kaul Mukah 2024 telah berjaya mengukuhkan identiti budaya Melanau dan mempromosikan pertumbuhan ekonomi setempat. Hasil kajian ini memberikan maklumat berharga yang boleh digunakan untuk meningkatkan penganjuran pesta di masa hadapan. Pihak penganjur disarankan untuk mengambil kira maklum balas yang diterima dari pengunjung dan penjaja bagi memastikan keberkesanan dan kejayaan acara ini pada edisi-edisi yang akan datang. Dengan langkah-langkah yang tepat, Pesta Kaul Mukah berpotensi untuk terus menjadi platform yang menarik bagi pengunjung dan penjaja, sambil memelihara serta mempromosikan budaya tempatan.

© 2025 Suffina Long, Tang Howe Eng, Yahutazi Chik, Noor Emma Shamsuddin,
Mohamad Musa Bohari

Diterbitkan oleh:

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM), Universiti
Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak Kampus Mukah
Universiti Teknologi MARA Sarawak Branch
Mukah Campus
KM 7.5, Jalan Oya
96400 Mukah,
Sarawak

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan digital ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran semula, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemilik hak cipta.

Judul Kandungan Digital Kajian Impak Pesta Kaul Mukah 2024


Penulis / Penyusun: SUFFINA LONG, TANG HOWE ENG, YAHUTAZI CHIK,
MOHAMAD MUSA BOHARI & NOOR EMMA SHAMSUDDIN

Format Kandungan: eLaporan (PDF)

ISBN:

KAJIAN IMPAK PESTA KAUL MUKAH 2024

e ISBN 978-629-95678-4-6



KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK (KPPIM),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) CAWANGAN SARAWAK KAMPUS MUKAH

(online)